

# Sokong sekolah pengajian Islam di UMS

BH 10.12.13 2

**Kota Kinabalu:** Yayasan Dakwah Islamiah Malaysia (YADIM) Sabah menyokong usaha menubuhkan Sekolah Pengajian Islam di Universiti Malaysia Sabah (UMS) bagi membantu merancakkan aktiviti dakwah di negeri ini.

Pengaruhnya, Samin Ongki (**gambar**), berkata penubuhan fakulti berkenaan memberi peluang kepada guru agama di negeri ini memperoleh ijazah dalam bidang pengajian Islam sekali gus meningkatkan kelayakan akademik mereka.

Beliau berkata, pembukaan

sekolah berkenaan berupaya menarik kehadiran pelajar asing ke UMS, khususnya dari rantau Kawasan Pertumbuhan ASEAN Timur-Brunei, Indonesia, Malaysia, Filipina (BIMP-EAGA).

“Sudah tiba masanya fakulti khas dalam bidang pengajian Islam ditubuhkan di UMS supaya pelajar aliran agama di negeri ini berpeluang

melanjutkan pelajaran ke peringkat tinggi tanpa ke luar negara.



## Pelajar luar dapat dalami ilmu Islam

“Jika menjadi kenyataan, kita yakin ramai pelajar luar akan datang mendalamai ilmu Islam dan ia secara tidak langsung dapat membantu menjadikan negeri ini tumpuan kegiatan dakwah,” katanya di sini, semalam.

Beliau berkata demikian sebagai mengulas cadangan Pembantu Menteri kepada Ketua Menteri, Datuk Mohd Arifin Arif, mengenai penubuhan sekolah berkenaan di UMS ketika membahaskan usul agama dan pendidikan sempena Perhimpunan Agung UMNO, minggu lalu.

Samin berkata, YADIM menyokong usaha untuk mengembangkan kegiatan dakwah di negeri ini sejajar usaha meningkatkan syiar Islam dan melahirkan lebih ramai cerdik pandai agama tempatan.